



**TEKS UCAPAN
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI RISDA TAHUN
2018**

**OLEH:
YB. RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

**TEMPAT: AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH
IBU PEJABAT RISDA
TARIKH : 5 JULAI 2018 (KHAMIS)
MASA : 11.00 PAGI**

YB. R.Sivarasa
Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar

Ybhg. Datuk Borhan bin Dollah
Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar
(KPLB)

Ybhg. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha KPLB

Ybhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

YBhg. Ahli-Ahli Pihak Berkuasa RISDA, Syarikat Milkan RISDA

Ybhg. Ketua-Ketua Agensi KPLB, Setiausaha-Setiausaha
Bahagian KPLB

Ybhg. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah RISDA
Pengarah-Pengarah Bahagian / Pengarah-Pengarah RISDA
Negeri/ Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA

Seterusnya Datuk Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi
sekalian.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan Selamat
Hari Raya Aidilfitri kepada Dato'-dato', tuan-tuan dan puan-puan
dan semua warga RISDA. Sesungguhnya, saya secara peribadi

ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Pengarah RISDA dan semua warga RISDA yang telah sudi menjemput saya ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan majlis ini kerana ini merupakan kali pertama saya bersua muka bersama warga RISDA setelah dilantik menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar yang baharu.

2. Pada hemat saya, Majlis Sambutan Hari Raya ini amatlah bermakna kepada semua umat Islam malahan ia juga amat bermakna bagi yang bukan beragama Islam. Ini adalah kerana, ia merupakan peluang untuk rakyat kita yang berbilang kaum, agama dan budaya dapat bersama-sama berkongsi keceriaannya. Melalui amalan seumpama ini, pelbagai lapisan masyarakat dapat berkongsi budaya dari sudut pakaian, makanan, adat resam dan lain-lain.

3. Pada masa yang sama, jika kita perhatikan menerusi amalan seumpama ini seperti amalan 'open house' yang diamalkan di negara kita, ia dapat mengeratkan lagi perhubungan di antara semua kaum di negara kita. Ambillah kesempatan ini untuk kunjung-mengunjungi di antara satu sama lain sebagai tanda hormat menghormati dan saling bermaafan. Saya yakin, amalan ini akan dapat menjadi satu pelaburan yang memberikan impak yang besar sekali gus menyumbang kepada keharmonian negara.

Para hadirin sekalian,

4. Untuk menjadi sebuah organisasi yang terbilang, kunci utama ialah kerjasama dan bersatu tidak kira pangkat, bangsa, agama dan fahaman politik. Kita semua sedia maklum, 'we are not perfect', tetapi jika kita bersatu maka kelemahan itu dapat dibendung dan akhirnya kelemahan itu akan menjadi satu kelebihan. Moga-moga komitmen yang padu semua pihak yang tidak mengira bangsa akan dapat menjadi penggerak bagi

mempercepatkan kejayaan ekonomi para pekebun kecil dan amnya negara Malaysia.

5. Adalah menjadi harapan saya dengan adanya majlis seperti ini, ianya dapat mewujudkan satu semangat muhibah dan harmoni di antara warga RISDA khususnya dan KPLB amnya. Saya juga ingin ucapkan tahniah kepada warga RISDA kerana berjaya menganjurkan majlis ini dengan berkonsepkan semangat kerjasama dengan adanya gerai-gerai yang boleh dikunjungi

dengan menyediakan pelbagai jenis juadah sehingga menjadikan majlis Jamuan Hari Raya ini sungguh bermakna dan meriah sekali.

6. Di kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pengurusan dan seluruh warga RISDA atas kerjasama dan peranan menjadikan RISDA sebuah agensi yang cemerlang dalam meneraju kemajuan pekebun kecil di negara ini. Sumbangan dan pencapaian RISDA dalam bidang ini termasuk dalam pembangunan tanam semula

dan keusahawanan telah memberi manfaat yang besar kepada kesejahteraan rakyat.

7. Saya juga berharap usaha-usaha dipergiatkan lagi untuk mempertahankan kecemerlangan RISDA dan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan datang. Ianya juga adalah penting untuk mencapai matlamat dan aspirasi menjadi sebuah negara yang maju, progresif dan berpendapatan tinggi.

Sekian, terima kasih.